

# AXCEL DIPHENHYDRAMINE PEADIATRIC SYRUP

Diphenhydramine hydrochloride /Ammonium chloride (7mg/67.5mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup.
2. Bagaimana Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup.
4. Cara menggunakan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup.
5. Semasa menggunakan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup

Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup digunakan untuk melegakan batuk dan kesesakan hidung serta bronkus (saluran udara).

## Bagaimana Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup berfungsi

Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup mengandungi *Diphenhydramine Hydrochloride* yang merupakan sejenis antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alahan. Kesan pengeringan ke atas simptom-simptom seperti mata dan hidung berair adalah kesan daripada penyekatan bahan semulajadi lain yang dihasilkan oleh badan anda (*acetylcholine*).

*Ammonium chloride* digunakan sebagai ekspektoran. Ia membantu mencairkan kahak menjadikannya lebih mudah untuk dibatuk keluar.

## Sebelum mengambil Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi atau hipersensitif terhadap antihistamina.
- Jika anda menerima terapi MAOI (*monoamine oxidase inhibitor*) untuk kemurungan.
- Jika anda mempunyai masalah kerosakan fungsi hati atau buah pinggang.

### Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda menghidapi glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata), asma bronkial (masalah pernafasan), hipertiroidisme (masalah kelenjar tiroid terlalu aktif yang menyebabkan selera makan meningkat, penurunan berat badan, dan berpeluh) penyakit kardiovaskular (penyakit pada jantung dan saluran darah) stenosis ulser perut (parut dan bengkak akibat ulser yang menyebabkan penyempitan dalam duodenum dan halangan salur perut), halangan *pyloroduodenal* (halangan aliran keluar gastrik), penyumbatan leher pundi kencing (aliran air kencing yang terputus-putus) atau hipertrofi prostat (pembesaran prostat)
- Anda mempunyai G6PD (*glucose-6 phosphate deficiency*).

Ubat ini tidak disarankan untuk kanak-kanak dibawah umur 2 tahun. Sila dapatkan nasihat doktor/ahli farmasi untuk penggunaan pada kanak-kanak antara umur 2 hingga 6 tahun.

## Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain seperti berikut kerana ia mungkin berinteraksi dengan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup anda:

- Antihistamina
- Hipnotik, sedative dan trankuilizer
- *MAOIs* (*monoamine oxidase inhibitor*), *aminoglycosides*, antibiotik dan antimuskarinik

## Cara menggunakan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk diambil 4-6 jam sekali.  
Kanak- kanak 2-5 tahun: 5ml (maksimum 40ml dalam masa 24 jam)

Kanak- kanak 6-12 tahun: 5-10ml (maksimum 60ml dalam masa 24 jam)

Kanak- kanak 12 tahun: 10-20ml (maksimum 120ml dalam masa 24 jam)

### Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

### Jika terlupa menggunakan

- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.
- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup mungkin akan

# AXCEL DIPHENHYDRAMINE PEADIATRIC SYRUP

Diphenhydramine hydrochloride /Ammonium chloride (7mg/67.5mg per 5ml)

memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital yang terdekat, jika anda atau sesiapa sahaja yang menggunakan ubat ini secara berlebihan. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.
- Simptom dos berlebihan merangkumi depresi sistem saraf pusat yang termasuk kesan sedasi, kegagalan kardiovaskular (kehilangan aliran darah ke otak dan organ-organ lain secara tiba-tiba), rangsangan termasuk sukar tidur, halusinasi, terketar-ketar atau konvulsi.
- Simptom lain termasuk kepeninginan, tinitus (bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering, berdengung dan berkerik), ataksia (kekurangan penyelarasan pergerakan otot), penglihatan kabur atau tekanan darah rendah.

#### Semasa menggunakan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup

##### Perkara yang perlu dilakukan

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubat lain.
- Ambil Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

##### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos yang disarankan pada setiap satu masa pengambilan.

##### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Jangan memandu atau mengendalikan mesin jika pening semasa mengambil ubat ini.
- Elakkan minum minuman beralkohol apabila mengambil sirap ini.

#### Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan yang berikut telah dilaporkan:

##### Kesan sampingan paling umum:

- Sedasi dari mengantuk hingga tidur nyenyak termasuk kesukaran untuk menumpukan perhatian.
- Kelesuan.
- Kepeningan.
- Tekanan darah rendah yang tidak normal.
- Kelemahan otot dan ketakselarasan.

##### Kesan sampingan lain:

- Gangguan gastrousus seperti rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit atau sembelit, sakit perut, sakit epigastrik.
- Sakit kepala.
- Penglihatan kabur.

- Tinitus (bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering, berdengung dan berkerik).
- Keriangan atau kemurungan.
- Kerengsaan.
- Mimpi buruk.
- Hilang selera makan
- Kesukaran membuang air kencing.
- Kekeringan mulut.
- Keadaan ketat di bahagian dada
- Sesemut.
- Keadaan berat dan lemah tangan.
- Sawan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> reporting*).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup

##### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C.

Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan dilindungi daripada cahaya.

##### Pelupusan

Jangan guna Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai carayang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu menlindungi alam sekitar.

#### Maklumat lanjut

##### Rupa dan warna produk

Axcel Diphenhydramine Paediatric Syrup ialah sejenis sirap berwarna coklat dengan perisa karamel.

# AXCEL DIPHENHYDRAMINE PEADIATRIC SYRUP

Diphenhydramine hydrochloride /Ammonium chloride (7mg/67.5mg per 5ml)

---

## Bahan-bahan kandungan

### Bahan-bahan Aktif:

Ammonium Chloride dan  
Diphenhydramine Hydrochloride.

### Bahan-bahan Tidak Aktif:

Saccharin Sodium, Caramel flavor,  
Citric Acid, Carboxymethyl  
Cellulose Sodium, Purified Water,  
Sodium Citrate, Liquid Caramel,  
Sodium Benzoate, Refined Sugar  
dan Glycerin.

## Nombor MAL

MAL20021157AZ

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk.**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

04/01/2016

## **Nombor siri**

BPK(R4/1)161215/00495